

BERITA HARI INI

AKHBAR : Berita Harian

TARIKH : 13 Januari 2020

MUKA SURAT : 54

HARI : Isnin

RUANGAN : Nasional

TAJUK : **Pelan Pembangunan Kampung Baru dimuktamad Jun : Khalid**



Khalid bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Datuk Soh Chin Aun selepas merasmikan pembukaan Kejohanan Bola Sepak Piala Khalid Samad di Stadium Rhino KV Arena, Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

Pelan Pembangunan Kampung Baru dimuktamad Jun: Khalid

Shah Alam: Kementerian Wilayah Persekutuan optimis Pelan Pembangunan Kampung Baru di Kuala Lumpur, akan dapat dimuktamadkan pada Jun ini, berdasarkan maklum balas diterima daripada kalangan pemilik tanah.

Menterinya, Khalid Abdul Samad, berkata beliau mengarahkan pihak Perbadanan Pembangunan Kampung Baru untuk melakukan perjumpaan secara berkumpulan, dengan pemilik tanah berkenaan untuk berbin-

cang mengenai isu yang berbangkit.

Beliau berkata, setakat ini kira-kira 50 peratus pemilik tanah di Kampung Baru bersetuju terhadap tawaran harga terkini dan belum pernah perbincangan oleh kerajaan, mendapat persetujuan daripada separuh waris atau pemilik tanah terbabit.

Katanya, pihaknya menggunakan cara memujuk dan memberi penjelasan kepada penduduk, tanpa memaksa mereka untuk membuat keputusan.

"Kita janjikan tidak akan guna pengambilan oleh kerajaan. Kita cuba bincang bersama dan kita dapatkan mereka bersama kita untuk bangun mereka," katanya selepas merasmikan pembukaan Kejohanan Bola Sepak Piala Khalid Samad di Stadium Rhino KV Arena, di sini, semalam.

Sebelum ini, kerajaan ingumumkan harga tawaran baharu pembelian tanah Kampung Baru bernilai RM1,000 setiap satu kaki persegi, berbanding RM850 se-

belum ini.

Khalid berkata, isu itu akan dimuktamadkan pertengahan tahun ini, berikutan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru masih lagi berjumpa penduduk dalam kumpulan kecil, berikutan banyak maklumat yang tidak tepat dalam media sosial.

Katanya, pihaknya akan melihat semula pendekatan lain yang boleh diambil, jika kerajaan tidak berjaya mencapai perseutujuan 100 peratus daripada pemilik tanah Kampung Baru.